

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : UST. DATUK DR. MOHD. KHAIRUDDIN BIN
AMAN RAZALI [KUALA NERUS]**

**UST. DATUK DR. MOHD. KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI [KUALA
NERUS]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI,
KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan :-

- (b) mekanisme untuk memastikan para pengusaha stesen minyak tidak menjadi mangsa yang menanggung kerugian apabila terpaksa membeli minyak pada harga lama yang lebih mahal sedangkan dijual kepada pengguna pada harga baru yang lebih murah; dan
- (c) langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan para pengguna tetap menikmati harga petrol yang rendah ketika harga minyak mentah global naik seperti yang diramalkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

- a) Sepertimana Dewan sedia maklum bahawa Kerajaan telah menggunakan kaedah *managed float* atau pengapungan terkawal dalam menetapkan harga runcit RON95 dan diesel mulai 1 Disember 2014. Melalui kaedah ini, harga runcit RON95 dan diesel pada bulan hadapan ditentukan pada setiap hujung bulan semasa dengan menggunakan formula *Automatic Pricing Mechanism* (APM). Dua elemen utama dalam APM yang menentukan perubahan harga ialah perubahan ke atas kos produk petroleum dan kadar pertukaran matawang. Di samping itu, terdapat juga elemen seperti margin pengusaha stesen minyak, margin syarikat minyak dan kos operasi.

Kerajaan berharap pengusaha stesen minyak menganggap bahawa perkara sebarang kesan daripada perubahan harga minyak ini sebagai satu rencah dalam urusan perniagaan. Adalah menjadi lumrah dalam mana-mana perniagaan, untung rugi adalah realiti yang perlu dihadapi

Di samping itu, bagi mengurangkan impak kesan penurunan harga ke atas pengusaha stesen minyak, semua syarikat minyak telah bersetuju untuk meminimumkan stok jualan bagi setiap stesen minyak antara dua hingga tiga hari sahaja pada setiap hujung bulan.

- b) Seperti yang dinyatakan diatas, kaedah *managed float* menggunapakai formula APM ini akan meneliti kos produk petroleum dan kadar pertukaran matawang dalam menentukan harga petrol semasa. Kerajaan akan sentiasa memantau pergerakan harga minyak ini dan akan bersedia untuk menimbangkan semua alternatif yang ada dalam memastikan rakyat akan dapat menikmati produk petroleum pada satu kadar harga yang tidak membebankan.